

KARGO MARIN

Lembaran Pendedahan Produk

Nota Penting

1. Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda bercadang untuk membeli Polisi Insurans Kargo Marin ini. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.
2. Anda haruslah yakin bahawa polisi ini akan memenuhi keperluan anda. Anda haruslah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara atau menghubungi syarikat insurans secara langsung untuk maklumat lanjut.
3. Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga tempoh kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui oleh kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau mempunyai perubahan.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi kerugian fizikal atau kerosakan pada barangan anda yang disebabkan oleh peril marin yang diinsuranskan semasa dalam transit dari satu tempat ke tempat lain dengan apa-apa kaedah atau pengangkutan.

Terdapat 4 jenis polisi Kargo Marin:

- Perlindungan Terbuka Marin
- Barangan Dalam Transit
- Polisi Tahunan Kargo Marin
- Penghantaran Tunggal Kargo Marin

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Berikut adalah jenis perlindungan yang ditawarkan:

- a) Klausula Institut Kargo (A) 1.1.82 / 1.1.09
Ini merupakan bentuk perlindungan yang paling luas. Polisi ini melindungi semua risiko kehilangan atau kerosakan ke atas barangan kecuali seperti yang diperuntukkan dalam pengecualian.
- b) Klausula Institut Kargo (B) 1.1.82 / 1.1.09
Polisi ini melindungi terhadap kehilangan atau kerosakan pada barangan yang mengakibatkan atau disebabkan oleh:
 - kebakaran atau letupan kapal atau kapal kecil terkandas, terdampar, tenggelam atau terbalik.
 - kenderaan pengangkutan darat terbalik atau terbabas
 - kraf kapal atau kenderaan barangan terlanggar atau bersentuhan dengan apa-apa objek luaran yang selain daripada air.
 - pemungghahan kargo dari kapal di pelabuhan kecemasan
 - gempa bumi, letusan gunung berapi atau kilat
 - pengorbanan purata am
 - pembuangan muatan bagi mengurangkan bebanan kapal (Jettison)
 - hanyutan dari kapal ke dalam laut (Washing overboard)
 - air laut, tasik atau sungai masuk ke dalam kapal pengangkut kontena, van pengangkat atau tempat penyimpanan
 - jumlah kerugian mana-mana kehilangan akibat barangan terjatuh ke dalam air ketika pemungghahan masuk atau pemungghahan keluar dari kapal atau kapal kecil.

c) Klausula Institut Kargo (C) 1.1.82 / 1.1.09

- kebakaran atau letupan
- kapal atau kapal kecil yang terkandas, terdampar, tenggelam atau terbalik
- kenderaan pengangkutan darat terbalik atau terbabas
- kraf kapal atau kenderaan barangan terlanggar atau bersentuhan dengan apa-apa objek luaran yang selain daripada air.
- pemunggahan kargo dari kapal di pelabuhan kecemasan
- pengorbanan purata am
- pembuangan muatan bagi mengurangkan bebanan kapal (Jettison).

d) Tempoh Perlindungan

(1) Klausula Institut Kargo 1.1.82

Perlindungan bermula dari masa barang keluar dari gudang atau di tempat penyimpanan di tempat yang dinamakan dalam polisi untuk permulaan transit, berterusan semasa perjalanan biasa transit dan berakhir sama ada:

- i. Semasa penghantaran kepada penerima konsainan atau gudang akhir lain atau tempat penyimpanan di destinasi yang dinamakan dalam polisi, ATAU
 - Semasa penghantaran ke mana-mana gudang atau tempat penyimpanan lain, sama ada sebelum atau di destinasi yang dinamakan dalam polisi yang dipilih oleh Pihak Yang Diinsuranskan untuk digunakan sama ada untuk penyimpanan selain daripada perjalanan transit biasa, atau
 - Untuk pembahagian atau pengedaran, ATAU
- ii. Apabila tamat 60 hari selepas selesainya pemunggahan barangan diinsuranskan dari kapal luar negara yang tiba di pelabuhan pemunggahan terakhir, yang mana berlaku terlebih dahulu.

(2) Klausula Institut Kargo 1.1.09

Perlindungan ini bermula apabila barangan buat pertama kali dipindah masuk ke dalam gudang atau di tempat penyimpanan dinamakan dalam polisi ini untuk tujuan pemuatan dengan serta merta ke dalam atau ke atas kenderaan pembawa atau pengangkutan lain untuk permulaan transit berterusan semasa perjalanan transit biasa dan berakhir sama ada:

- i. Apabila selesai pemunggahan dari kenderaan pembawa atau pengangkutan lain atau dari gudang terakhir atau tempat penyimpanan di destinasi dinamakan dalam polisi ini, ATAU
- ii. Apabila selesai pemunggahan dari kenderaan pembawa atau pengangkutan lain atau di mana-mana gudang atau tempat penyimpanan yang lain, sama ada sebelum atau di destinasi dinamakan dalam polisi ini Pihak Yang Diinsuranskan atau pekerja memilih untuk penyimpanan selain daripada dalam perjalanan transit biasa atau untuk pembahagian atau pengedaran, ATAU
- iii. Apabila Pihak Yang Diinsuranskan atau pekerja mereka memilih untuk menggunakan mana-mana kenderaan pembawa atau pengangkutan lain bagi mana-mana kontena untuk penyimpanan selain daripada dalam perjalanan transit biasa, ATAU
- iv. Apabila tamat 60 hari selepas selesainya pemunggahan barangan diinsuranskan dari kapal luar negara yang tiba di pelabuhan pemunggahan terakhir,

Yang mana berlaku terlebih dahulu.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar bergantung pada jenis kargo, kaedah penghantaran, pelayaran, perlindungan yang diperlukan dan keperluan penajaminan kami.

4. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

<u>Apa yang anda perlu bayar sebagai tambahan kepada premium</u>	<u>Jumlah</u>
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium
Duti Setem	RM10.00

<u>Apa yang termasuk dalam premium</u>	<u>Jumlah</u>
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	15% daripada premium

Kebolegunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang dikenakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Asas penilaian - Anda mesti memastikan bahawa barangan anda diinsuranskan berdasarkan kos utama barangan ditambah dengan kos perbelanjaan penghantaran, pengangkutan yang anda bertanggungjawab dan caj insurans.
- Lebihan – Ini adalah jumlah yang perlu anda tanggung sebelum kami menanggung kerugian anda.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada senarai penuh terma dan syarat di dalam polisi ini.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- a) kerugian kerosakan atau perbelanjaan yang disebabkan oleh salah laku yang disengajakan oleh pihak yang diinsuranskan.
- b) kebocoran biasa, kehilangan berat atau isipadu atau haus & lusuh biasa di atas barangan yang diinsuranskan
- c) kerugian kerosakan atau perbelanjaan disebabkan oleh kekurangan atau ketidaksesuaian pembungkusan atau penyediaan barangan yang diinsuranskan
- d) kerugian kerosakan atau perbelanjaan berpunca daripada kerosakan sedia ada atau keadaan semula jadi pada barangan yang diinsuranskan
- e) kerugian kerosakan atau perbelanjaan yang disebabkan oleh penangguhan, biarpun penangguhan tersebut berpunca daripada risiko yang diinsuranskan
- f) kerugian kerosakan atau perbelanjaan yang timbul dari insolvensi atau kemungkiran kewangan oleh pemilik kapal pengurus penyewa pengendali kapal.
- g) kerugian kerosakan atau perbelanjaan yang timbul daripada ketidaklayakan kapal atau kraf, ketidaksesuaian kapal, kraf pengangkutan, atau van pengangkut untuk pengangkutan yang selamat bagi mengangkut barangan yang diinsuranskan, di mana pihak yang diinsuranskan atau pekerjaanya telah mengetahui ketidaklayakan atau ketidaksesuaian pada masa barangan yang diinsuranskan dimuatkan di dalamnya.
- h) kerugian kerosakan atau perbelanjaan yang timbul daripada penggunaan mana-mana senjata perang, senjata perang yang menggunakan pembelahan atom atau nuklear dan/atau pelakuran atau lain-lain seperti tindak balas yang serupa atau daya atau bahan radioaktif.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada senarai penuh terma dan syarat di dalam polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini??

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami, bersertakan dengan bukti bahawa penghantaran telah dibatalkan oleh pembeli/pembekal. Selepas pembatalan, sebarang bayaran balik premium adalah berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam polisi.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran hubungan saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh berhubung dengan Pusat Khidmat Pelanggan atau cawangan kami.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku kerugian?

Anda mesti memberitahu kami atau ejen tinjauan yang dinamakan dalam polisi secara bertulis dengan butiran penuh secepat mungkin. Pemberitahuan awal diperlukan untuk mengelakkan sebarang prasangka terhadap tuntutan anda.

Nota: Tiada tuntutan untuk kerugian yang disebabkan oleh kecurian sepenuhnya dan/atau kecurian sebahagian (theft and/or pilferage) akan dibayar di bawah ini melainkan notis tinjauan telah diberikan kepada ejen tinjauan kami atau ejen Lloyd atau juru-ukur lain yang dilantik dengan sewajarnya, di destinasi dalam tempoh 10 hari selepas tamat tempoh insurans.

10. Apakah yang perlu saya lakukan semasa membuat tuntutan?

Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan semua maklumat dan dokumen sokongan kepada kami atau ejen penyelesaian/ejen tinjauan yang dinamakan dalam polisi dan memberi kerjasama penuh kepada kami atau ejen penyelesaian atau ejen tinjauan dalam menilai tuntutan anda.

Senarai Dokumen Untuk Tuntutan

Bagi membolehkan tuntutan diuruskan dengan segera, anda dinasihatkan untuk mengemukakan semua dokumen sokongan yang ada tanpa berlengah, termasuk apabila berkenaan:-

- Polisi asal atau sijil insurans.
- Invois penghantaran asal atau salinan, bersama-sama dengan spesifikasi penghantaran dan/atau nota berat (*weight note*)

- Bil Muatan (*Bill of Lading*) asal dan/atau kontrak pengangkutan lainLaporan Tinjauan untuk tuntutan atau bukti dokumentari lain untuk menunjukkan tahap kerugian atau kerosakan.
- Akaun pendaratan (landing account) dan nota berat di destinasi akhir.
- Pertukaran surat-menyurat dengan pengangkut dan pihak lain mengenai liabiliti mereka untuk kehilangan atau kerosakan.

11. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai insurans ini atau mana-mana jenis produk insurans, sila hubungi kami atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di www.generali.com.my.

Generali Insurance Malaysia Berhad

No Pendaftaran: 197501002042 (23820-W)

Pusat Khidmat Pelanggan Generali

Level 1, Menara Generali,

27, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 1 300 13 2121 atau +603 3007 2121

E-mel: customer.service.gi@generali.com.my

www.generali.com.my

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah ringkasan untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma dan syarat tepat yang terpakai dinyatakan dalam kontrak polisi.

Generali Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah seperti pada 24 Februari 2025.